

Disediakan untuk: \_\_\_\_\_ Tarikh Cetakan: \_\_\_\_\_

### LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum Anda membuat keputusan untuk membeli Polisi PerlindunganKu Allianz4All. Pastikan juga Anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

**Penyedia Khidmat Kewangan** : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Allianz"/"Kami")  
**Nama Produk** : PerlindunganKu Allianz4All

#### 1. Apakah Produk ini?

Polisi ini memberikan pampasan sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal Orang Yang Diinsuranskan akibat kemalangan. Pendapatan hospital setiap hari juga akan dibayar sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memerlukan rawatan di Hospital Kerajaan di Malaysia akibat kemalangan atau \*penyakit.

\*Contoh beberapa penyakit biasa: Arthritis, asma, bronkitis, radang paru-paru, penyakit buah pinggang, barah, penyakit jantung.

#### 2. Apakah perlindungan/faedah yang disediakan?

Faedah	Jumlah Yang Diinsuranskan	
	(RM)	
	Pelan 1	Pelan 2
Kematian atau Hilang Upaya Kekal	20,000	25,000
Pendapatan Hospital (maksimum tiga puluh (30) hari setahun)	50 setiap hari	100 setiap hari

Nota: 1. Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun.

Peratusan Bayaran daripada Jumlah Yang Diinsuranskan untuk Kematian atau Hilang Upaya Kekal

Jadual 2 – Skala Faedah	Peratusan (%) Jumlah Yang Diinsuranskan
(i) Kematian	100%
(ii) Hilang Upaya Kekal	
Hilang dua anggota tangan atau kaki	100%
Hilang kedua-dua tangan atau kesemua jari, atau kedua-dua ibu jari	100%
Hilang penglihatan kedua-dua mata	100%
Lumpuh sepenuhnya dari leher ke bawah	100%
Kecederaan yang mengakibatkan terlantar kekal di katil	100%
Hilang tangan dari bahu	100%
Hilang tangan di antara bahu dengan siku	100%
Hilang tangan dari siku	100%
Hilang lengan di antara siku dan pergelangan tangan	100%
Hilang tangan dari pergelangan tangan	100%
Hilang kaki	
- di pinggul	100%
- di antara lutut dan pinggul	100%
- di bawah lutut	100%
Mata : Hilang	
- keseluruhan penglihatan	100%
- semua penglihatan di sebelah mata	100%
Hilang Pendengaran Kekal kedua-dua telinga dan pertuturan	100%

#### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium	Pelan 1	Pelan 2
Premium Tahunan	RM50	RM75

Nota:

- Premium adalah termasuk Komisyen Pengantara 10%.
- Premium tidak termasuk 6% Cukai Perkhidmatan.
- Cukai Perkhidmatan di bawah program Baucar Perlindungan Tenang (BPT) dikecualikan bagi pelanggan yang menggunakan BPT.
- Premium yang perlu dibayar termasuk Cukai Perkhidmatan bagi pelanggan yang tidak menggunakan BPT adalah RM53.00 bagi Pelan 1 dan RM79.50 bagi Pelan 2.
- Untuk menggunakan BPT RM75, Anda dikehendaki membayar Amaun Premium Wajib yang membentuk sebahagian daripada premium untuk produk ini dan baki yang perlu dibayar akan ditolak secara automatik dari baucar. Amaun Premium Wajib adalah

Lima Ringgit Malaysia (RM5.00) atau jumlah yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Kementerian Kewangan Malaysia atau pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan.

6. Jika BPT digunakan untuk membeli satu pelan di mana jumlah premium yang perlu dibayar kurang daripada jumlah nilai BPT, sebarang baki amaun BPT tidak akan dibayar balik.
7. Perlindungan insurans untuk Orang Yang Diinsuranskan di bawah polisi ini adalah untuk tempoh satu (1) tahun dan premium hendaklah dibayar setiap tahun sebelum perlindungan bermula.

#### 4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

Jenis	Peratus daripada Premium	Amaun (RM)	
		Pelan 1	Pelan 2
Komisyen yang dibayar untuk Pengantara Insurans	10%	RM5.00	RM7.50
Cukai Perkhidmatan	6%	RM3.00	RM4.50
Duti Setem*	-	RM10	

Nota:

1. Seperti yang dinyatakan di atas, amaun komisyen pengantara ini termasuk dalam amaun premium yang perlu dibayar manakala Cukai Perkhidmatan tidak termasuk dalam amaun premium yang perlu dibayar.
2. \*Duti Setem dikecualikan sehingga 31/12/2025. Selepas itu, duti setem RM10 perlu dibayar bermula 01/01/2026.

#### 5. Apakah terma dan syarat utama yang harus saya ketahui?

##### (a) Kepentingan pendedahan

###### • Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi **tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda**, Anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda ketahui berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

###### • Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda memohon Insurans bagi **tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda**, Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang Anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan Kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu adalah berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

**Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.** Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak Kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

##### (b) Pembayaran Premium

- Premium yang perlu bayar hendaklah dibayar dan diterima oleh Allianz sebelum perlindungan bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi, perlindungan Anda akan terbatal secara automatik dari permulaan dan tidak sah.
- Sekiranya Anda memilih untuk menggunakan baucar yang dikeluarkan di bawah Program Baucar Perlindungan Tenang ("PBPT") untuk membayar premium, perkara-perkara berikut akan terpakai:
  - Anda dikehendaki membayar Amaun Premium Wajib kepada Syarikat. Lihat Nota 5 di bawah Perkara 3 (Berapakah premium yang perlu saya bayar?)
  - Perlindungan Anda akan bermula selepas Allianz mengesahkan kelayakan Anda untuk BPT di bawah PBPT dan berjaya menebus baucar itu dari portal PBPT yang berkenaan bagi pihak Anda selaku dengan terma dan syarat PBPT.
- Jika penebusan tersebut tidak berjaya, perlindungan Anda akan ditamatkan secara automatik dari tarikh perlindungan berkuatkuasa.

##### (c) Kelayakan – Anda mestilah warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia, yang berumur antara lapan belas (18) tahun hingga lima puluh sembilan (59) tahun.

##### (d) Tempoh Bertenang

###### • Polisi yang dikeluarkan kepada penerima baucar dibawah inisiatif Perlindungan Tenang

Di mana Anda telah membayar premium dengan menggunakan baucar yang dikeluarkan di bawah PBPT dan Anda memutuskan untuk tidak mengambil Polisi dengan apa-apa pun alasan. Anda boleh menulis kepada Allianz, tertakluk sentiasa kepada syarat di bawah yang melarangkan pembatalan sekiranya terdapat tuntutan semasa Tempoh Bertenang, untuk membatalkan perlindungan Anda dengan syarat permintaan pembatalan tersebut disampaikan kepada Allianz dalam masa lima belas (15) hari dari penerimaan Polisi Anda ("Tempoh Bertenang"). Dengan syarat tiada tuntutan yang

dibuat, Anda berhak mendapat bayaran balik Amaun Premium Wajib yang disumbangkan tetapi baki amaun baucar akan dikembalikan kepada pentadbir yang berkenaan yang dilantik untuk mengurus dan menyerahkan kepada syarikat insurans premium yang dibayar menggunakan baucar kepada pihak syarikat insurans.

- **Polisi yang dikeluarkan kepada Orang Yang Diinsuranskan yang membayar tunai**  
Di mana Anda telah membayar premium menggunakan wang tunai atau cara lain selain daripada baucar yang dikeluarkan di bawah PBPT (seperti yang disediakan oleh Allianz), dan Anda memutuskan untuk tidak mengambil Polisi ini dengan apa-apa pun alasan, Anda boleh menulis kepada Allianz, tertakluk sentiasa kepada syarat di bawah yang melarangkan pembatalan sekiranya terdapat tuntutan semasa Tempoh Bertenang, untuk membatalkan perlindungan Anda dengan syarat permintaan pembatalan tersebut disampaikan kepada Allianz dalam masa Tempoh Bertenang. Anda berhak mendapat pengembalian premium sepenuhnya dengan syarat tiada tuntutan dibuat.
- **Tiada pembatalan sekiranya terdapat tuntutan semasa Tempoh Bertenang**  
Walau apapun yang dinyatakan di atas, sekiranya Anda mengemukakan tuntutan pada bila-bila masa selama Tempoh Bertenang, Anda tidak boleh membuat pembatalan Polisi semasa Tempoh Bertenang.

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian atau sebarang Kecederaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau yang berhubungan dengan mana-mana yang berikut:

- Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, aktiviti jenayah atau penganas, permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, dahagi atau merebut kuasa;
- Tidak siaman, membunuh diri (sama ada siaman atau tidak siaman), mencederakan diri sendiri yang disengajakan atau sebarang percubaan untuk melakukannya;
- Ketoksikan melebihi had undang-undang yang mempunyai kaitan dengan kesalahan memandu dan/atau di bawah pengaruh dadah yang tidak sah;
- Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan dengan AIDS (ARC) atau Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit (HIV);
- Penyakit Wajib Dilaporkan yang memerlukan pengasingan atau kuarantin oleh undang-undang;
- Kelahiran, keguguran, kehamilan atau sebarang komplikasi yang timbul daripadanya kecuali semata-mata disebabkan oleh Kemalangan;
- Pembunuhan atau serangan akibat provokasi;
- Ketika dalam perjalanan di dalam kapal terbang yang dilisenkan untuk perkhidmatan penumpang sebagai seorang ahli kakitangan penerbangan;
- Ketika melakukan atau cuba melakukan sebarang tindakan menyalahi undang-undang;
- Ketika menyertai sebarang sukan profesional;
- Seni pertahanan diri atau tinju, aktiviti-aktiviti udara termasuk payung terjun dan peluncuran gantung, aktiviti-aktiviti di dalam air yang melebihi kedalaman lima puluh (50) meter, mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau alat panduan mekanik;
- Perlumbaan (selain daripada yang menggunakan kaki), pengatur kelajuan, ujian mengukur kelajuan atau ketahanan;
- Pengionan, sinaran atau pencemaran oleh keradioaktifan, bahan senjata-senjata nuklear; dan
- Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah (NOTA: ini tidak terpakai bagi Orang Yang Diinsuranskan yang mempunyai lesen memandu tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan lesen memandu itu dibawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau mana-mana yang undang-undang berkaitan).

## 7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

- Sekiranya Anda memberi notis kepada Allianz untuk menamatkan Polisi ini atau perlindungan individu di bawah Polisi ini (sekiranya Anda dilindungi di bawah polisi berkelompok), penamatan itu akan berkuat kuasa pada tarikh selepas tamat tempoh insurans tanpa mengira tarikh notis itu diterima atau mana-mana tarikh yang dinyatakan dalam notis itu. Premium yang dibayar tidak akan dibayar balik dan perlindungan Anda akan tamat pada tarikh akhir tempoh insurans.
- Penamatan oleh Allianz**  
Sekiranya Syarikat menamatkan Polisi ini menurut Syarat 19 (Salah Nyataan Atau Peninggalan Fakta Penting) yang dinyatakan dalam Polisi atau atas perintah pihak berkuasa atau pihak kerajaan, Allianz akan memberi notis penamatan melalui pos berdaftar kepada Anda di alamat terakhir Anda di Malaysia. Penamatan ini akan berkuat kuasa tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis tersebut. Dengan syarat bahawa tiada tuntutan yang dibuat semasa Tempoh Insurans berlanjutan dan pengembalian premium tidak dilarang oleh undang-undang, sekiranya Anda telah membayar premium untuk jangka masa yang melebihi tarikh penamatan Polisi ini atau perlindungan Anda di bawah Polisi ini (sekiranya Anda dilindungi di bawah polisi berkelompok), mana-mana yang berkenaan:
  - menggunakan baucar yang dikeluarkan di bawah PBPT, premium pro-rata akan dikembalikan kepada pentadbir yang berkenaan yang dilantik untuk menguruskan PBPT; atau
  - menggunakan wang tunai atau cara lain selain baucar yang dikeluarkan di bawah PBPT, premium pro-rata akan dikembalikan kepada Anda.
- Penamatan Automatik**  
Polisi ini akan luput/tamat apabila belakunya salah satu perkara yang berikut, mana-mana yang terdahulu:
  - pada waktu tengah malam (waktu piawai Malaysia) hari terakhir Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual; atau
  - apabila Anda yang merupakan Orang Yang Diinsuranskan mencapai umur enam puluh (60) tahun.

Jika premium dibayar menggunakan baucar yang dikeluarkan di bawah PBPT dan penebusan baucar tersebut tidak berjaya, perlindungan Anda akan ditamatkan secara automatic dari tarikh perlindungan mula berkuatkuasa. Anda berhak mendapat bayaran balik Amaun Premium Wajib yang disumbangkan tetapi baki amaun baucar akan dikembalikan kepada pentadbir yang berkenaan yang dilantik untuk menguruskan PBPT.

**8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting untuk Anda memaklumkan kepada Kami tentang sebarang perubahan dalam alamat dan butir-butir peribadi Anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada Anda tepat pada masanya. Anda boleh memberitahu pejabat cawangan Kami atau perkhidmatan pelanggan Kami.

**9. Bagaimanakah cara untuk saya membuat tuntutan?**

Anda boleh melawati [allianz.com.my](http://allianz.com.my) untuk mengetahui cara-cara untuk membuat tuntutan. Anda juga boleh emel [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my) ataupun telefon 1 300 22 5542 untuk bantuan tentang tuntutan Anda. Anda dinasihatkan untuk menghantar sebarang tuntutan (sekiranya ada) secepat mungkin.

**Kepentingan membuat penamaan semasa pendaftaran**

Kami menggalakkan agar Anda menyerahkan kepada Kami Borang Penamaan (yang boleh didapati dari mana-mana pejabat cawangan Kami). Tujuan menamakan seseorang sebagai "benefisiari" untuk menerima manfaat yang berkenaan adalah supaya Kami boleh membuat bayaran langsung kepada benefisiari Anda selaku dengan arahan Anda. Dengan ini, benefisiari Anda boleh mendapatkan wang tuntutan dengan lebih cepat. Anda dinasihatkan untuk memaklumkan orang yang dinamakan bahawa mereka merupakan penama dibawah perlindungan yang dibeli oleh Anda.



**10. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci?**


Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk ini, sila rujuk laman web Kami di [allianz.com.my](http://allianz.com.my).

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

**Pusat Khidmat Pelanggan Allianz**

Allianz Arena  
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral  
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur.  
Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542  
E-mel: [customer.service@allianz.com.my](mailto:customer.service@allianz.com.my)

  AllianzMalaysia

 [allianz.com.my](http://allianz.com.my)

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK AMBIL PERHATIAN FAEDAH PERLINDUNGAN INSURANS ANDA. ANDA DIGALAKKAN MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI PERLINDUNGAN INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula 08/09/2022.

## Allianz4All

Allianz4All adalah transformasi perniagaan Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (Allianz General) untuk menerapkan Nilai Sejahtera. Produk insurans di bawah program ini akan berasaskan nilai sejahtera, untuk memenuhi keperluan semua rakyat Malaysia. Penambahbaikan utama untuk diselaraskan dengan nilai sejahtera adalah seperti berikut:

- Sebahagian daripada premium yang diterima akan diperuntukkan secara khusus kepada Dana Peruntukan Tuntutan ("Claims Allocation Fund" atau "CAF"). Ini dianggap sebagai sebuah pengumpulan dana untuk memenuhi komitmen tuntutan seperti yang dipersetujui bersama dalam kontrak polisi. Baki premium akan disalurkan kepada Allianz General sebagai yuran pengurusan dan untuk membayar perbelanjaan perniagaan yang berkaitan.
- Premium akan dilaburkan ke dalam portfolio yang diuruskan secara lestari dan bertanggungjawab berdasarkan prinsip Kewangan Islam kerana prinsip ini merangkumi Nilai Sejahtera dalam pasaran kewangan. Ini termasuk menyimpan premium yang diterima dalam akaun-akaun bank Islam.
- Jika tuntutan untuk tempoh tertentu adalah kurang daripada jumlah yang diperuntukkan ke dalam CAF, sebahagian daripada lebihan yang terhasil akan diagihkan oleh Allianz General mengikut budi bicara mutlaknyanya sama ada sebagai bayaran balik kepada pemegang polisi atau organisasi amal berdasarkan kategori amal yang dipilih oleh pemegang polisi pada masa permohonan. Pendekatan untuk pengagihan lebihan yang terhasil adalah berbeza mengikut produk dan jumlah lebihan (jika ada).

Allianz General akan mentadbir produk insurans yang dinyatakan dalam dokumen ini dan menjalankan sebarang transaksi kewangan, termasuk pelaburan dalam instrumen kewangan Islam, dan memperuntukkan jumlah premium yang sesuai kepada CAF.

Komitmen tuntutan Kami kepada pemegang polisi di bawah struktur baharu ini kekal tidak berubah daripada struktur sedia ada. Ia juga tidak akan ada kesan ke atas premium yang pelanggan bayar untuk sesuatu produk.

### Premium Diterima

Premium berbayar merujuk kepada premium yang diterima oleh Allianz General di mana sebahagian daripada premium diperuntukkan kepada CAF, yang dianggap sebagai pengumpulan dana untuk memenuhi komitmen tuntutan seperti yang dipersetujui bersama dalam kontrak polisi. Baki premium akan disalurkan kepada Allianz General sebagai yuran pengurusan dan untuk membayar perbelanjaan perniagaan yang berkaitan.

### Peruntukan Premium

Allianz General akan menentukan bahagian premium yang akan diperuntukkan kepada CAF berdasarkan analisa dalaman. Peratusan premium yang diperuntukkan untuk tuntutan untuk produk ini ialah 53.5%. Sekiranya dana tidak mencukupi untuk menampung tuntutan, Syarikat akan menambah CAF.

### Lebih daripada Dana Peruntukan Tuntutan (CAF)

Lebih CAF merujuk kepada sebarang lebihan dana yang terdapat dalam CAF selepas ditolak tuntutan yang berbayar dan tertunggak, serta rizab berkanun dalam tempoh tertentu. Pendekatan untuk pengagihan lebihan yang terhasil adalah berbeza mengikut produk. Untuk PerlindunganKu Allianz4All, Allianz General akan mengagihkan semua lebihan yang terhasil kepada organisasi amal mengikut budi bicara mutlaknyanya berdasarkan pemilihan pemegang polisi untuk salah satu daripada kategori amal berikut pada masa permohonan:

- Pendidikan: Mempertingkatkan akses kepada pendidikan
- Orang Kelainan Upaya: Meningkatkan kemasukan sosial dan peluang sosioekonomi
- Bantuan: Bantuan *ad-hoc* untuk kesihatan awam, bencana alam atau kecemasan
- Tiada keutamaan (ini akan menjadi pilihan automatik jika tiada satu pun di atas dipilih, dan syarikat akan mengagihkan lebihan mengikut kesesuaian)

Allianz General akan menentukan lebihan setiap tahun. Jumlah yang diagihkan kepada setiap kategori amal akan bergantung pada bahagian pemegang polisi yang memilih setiap kategori. Jumlah lebihan bagi setiap tahun (jika ada) akan didedahkan di laman web Kami, bersama-sama dengan senarai organisasi/program kebajikan yang mendapat manfaat daripadanya.